

JCF 3259

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

**PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN TANPA RIBA:
KAJIAN TERHADAP SISTEM MU'AMALAT ISLAM
DI MALAYSIA MASA KINI**

**OLEH
OSMAN BIN HJ. SABRAN**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT BAGI MEMPEROLEHII
IJAZAH DOKTOR FALSFAH**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL,
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

1997

Perpustakaan Universiti Malaya



A507734232

WORLD SHARI'AH MOND 15A
UNIT REPROGRAFI
IPR PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

FIRMAN ALLAH S.W.T.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَعْوَمُ الَّذِي
يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ، ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ
قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا، وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا .

(سورة البقرة ، آية 275)

Maksudnya:

Orang-orang yang makan riba, mereka tidak akan bangun di hari Qiamat nanti melainkan seperti bangunnya orang yang dirasuk syaitan terhuyung hayang lantaran gila, yang demikian itu adalah kerana sesungguhnya mereka itu berkata; “Jualbeli itu sama seperti riba”, sedangkan Allah menghalalkan jualbeli dan mengharamkan riba.

(Surah al-Baqarah, Ayat 275)

SABDA RASŪLLĀH S.A.W.;

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ ((لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَكِلَ الرِّبَا وَمَوْكِلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدَيْهِ . وَقَالَ : هُمْ سَوَاءٌ)) .

(رواه مسلم والبخاري)

Maksudnya:

Daripada Jabir r.a. katanya; Rasūlullāh s.a.w. telah melaknat orang yang memakan riba, orang yang menjadi ejennya, orang yang menjadi tukang tulisnya dan dua orang yang menjadi saksinya. Kata beginda lagi; “mereka itu sama sahaja (semuanya akan dilaknat)”.

(Riwayat Imām Muslim dan Imām Bukhārī juga meriwayatkan Ḥadīth sepertinya melalui Abi Juhaifah)

SINOPSIS

“Pinjaman” dan “Pembentangan” adalah dua konsep yang berbeza dalam sistem kewangan Islam. Setiap pinjaman, diharamkan mengambil faedah riba, tetapi setiap pembentangan yang ada keuntungan hasil daripada urusniaga perniagaan adalah dihalalkan. Keuntungan yang dihalalkan itu, mestilah melalui prinsip urusniaga hukum Mu'amalat Islam. Di sinilah asas penting yang dibincang secara mendalam oleh tesis ini, sebagai idea dasar dalam tajuk “Pinjaman dan Pembentangan Tanpa Riba” di dalam bab-bab berikut:

BAB SATU:

Bab ini membincangkan konsep “RIBA”. Pandangan ulama dari sudut agama, akhlak, sosial dan ekonomi terhadap riba, serta sejarah amalan pinjaman tanpa faedah di zaman RasūluLlāh ᷃.ṣ.ṣ. a.w. di samping sejarah riba di zaman Jahiliyyah, supaya menjadi sempadan kepada umat Islam dalam menjalankan urusniaga yang halal dengan urusniaga riba yang dilaknat oleh Allah s.w.t..

BAB DUA:

Sistem Perbankan Tanpa Faedah, bermula dengan kemampuan Bank Islam Malaysia Berhad beropersai berasaskan sistem Mu'amalat Islam sepenuhnya, kemudian diikuti dengan perubahan bank konvensional kepada perlaksanaan Mu'amalat untuk operasinya, serta disusuli dengan penubuhan unit-unit perbankan Islam yang menawarkan kepelbagaiannya produk mengikut fasa-fasa perkembangannya.

BAB TIGA:

Menghuraikan latar belakang sejarah Koperasi Muslimin, KOHILAL dan Koperasi Belia Islam (M) Bhd. Dalam menyumbang kepada perkembangan Sistem Mu'amalat Islam di Malaysia masa kini.

BAB EMPAT:

Latar belakang sejarah sulung penglibatan institusi Pajak Gadai Islam *al-Rahn* di Malaysia, memberi alternatif yang lebih praktikal kepada umat Islam dalam memberikan sumbangan “Pinjaman Tanpa Riba” selain daripada mekanisme pinjaman *al-Qard al-Hasan*.

BAB LIMA:

Menghuraikan konsep *al-Qard al-Hasan* sebagai mekanisme pinjaman tanpa riba, persediaan ke arah mewujudkan “institusi *al-Qard al-Hasan* dan *al-Rahn*”, serta mentarbiyahkan masyarakat supaya bersikap suka memberi dari menerima.

BAB ENAM:

Membincangkan konsep pembiayaan *al-Bai' Bithaman Ajil*, masalah prosedur jualbeli harta, serta pembiayaan yang masih ada halangan dari segi peraturan atau akta yang patut diatasi, di samping wujudnya unsur-unsur riba dalam operasinya yang mesti dihapuskan.

BAB TUJUH:

Membentangkan konsep *al-Murabahah* dengan penekanan di atas asas penting menyatakan “harga kos belian dengan keuntungan” kepada pembeli. Tanpa pernyataan tersebut setiap keuntungan yang lebih dari harga kos belian dianggap riba.

BAB LAPAN:

Selain daripada konsep pelaburan al-Mudarabah, dalam bab ini turut dibincangkan syarat-syarat institusi pelaburan yang halal dilanggan, kegiatan spekulasi dalam pelaburan al-Mudarabah dan ke arah penubuhan Bursa Saham Islam.

SYNOPSIS

“Lending” and “Financing” are two different concepts under the Islamic finance system. It is illegal (harām) to procure interest (ribā) for any act of borrowing, yet profits from normal trading practices are legal (halal). Such profits must adhere to the Islamic law of Mu'amalat. This thesis discusses this basically important area, as its main theme entitled, “Lending and Financing Without Riba” in the following chapters:

CHAPTER ONE:

This chapter discusses the concept of *ribā*. It also examines the opinions of the scholars (ulama) on riba from the perspective of religion, morals (akhlaq), society and economy. It looks into the history of *riba*-free borrowing activities during the time of RasūluLLāh ﷺ, including the practice of *ribā* during the *Jahiliyyah* period, so that it guides the Muslims in carrying out legal (halal) business activities differentiating it from the riba-based activities condemned by Allah s.w.t..

CHAPTER TWO:

The interest-free banking system began with the ability of Bank Islam Malaysia Berhad to operate on the basis of a complete Islamic Mu'amalat System. This was followed by the changes undertaken by conventional banks towards implementation of the Mu'amalat System in their operations, and further followed by the establishment of Islamic banking units providing, in stages, several products.

CHAPTER THREE:

Background on the history of Koperasi Muslimin, KOHILAL and Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad, and their roles in the development of the Islamic Mu'amalat System in Malaysia today.

CHAPTER FOUR:

Background on the first Islamic pawning institution (*al-Rahn*) in Malaysia, which provides a very practical alternative in the area of “interest (*riba*)-free borrowing”, besides the *al-Qard al-Hasan* mechanism.

CHAPTER FIVE:

Examination of the *al-Qard al-Hasan* concept as an interest *riba*-free mechanism, the move towards the establishment of an *al-Qard al-Hasan* and *al-Rahn* institution, and the inculcation of the value of “giving” instead of “receiving” in society.

CHAPTER SIX:

Discussion of the concept of *al-Barf Bithaman Ajil* financing, the problem of trading in properties, as well as obstacles in financing activities in the form of regulations that should be overcome, besides the existence of *riba*-based elements in its operations which must be eliminated.

CHAPTER SEVEN:

Explanation of the concept *al-Murābahah*, with emphasis on the proclamation of “the original cost plus profit margin” by the seller to the purchaser. Without such proclamation every profit above the cost price is considered as *riba*.

CHAPTER EIGHT:

Besides the *al-Mudarabah* concept this chapter also discusses the terms of investment for legal (halal) investment institution, speculative activities in *al-Mudarabah* investments and the efforts that should be undertaken to establish an Islamic Stock Exchange.

PENGHARGAAN

Hanya ke khadrat Allah s.w.t. sahaja setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran yang dapat saya ucapkan atas segala limpah kurnia, taufiq dan hidayahNya, terutama di sepanjang penulisan tesis ini. Selawat dan salam hanya kepada RasūluLlāh ᷃.ṣ.a.w. pemimpin yang teragong meninggalkan pusaka yang tidak ternilai, diwarisi oleh para keluarganya, sahabat-sahabatnya, para tabi'in dan semua mujahidin yang meneruskan perjuangannya hingga ke hari Qiamat.

Ucapan terimakasih yang tidak terhingga kepada penyelia tesis ini, Yang Berbahagia Prof. Dr. Mahfodz Mohamed, sebagai mahaguru yang banyak berjasa, mencurahkan masa dan tenaga, ilmu dan kepakaran, memberikan tunjuk ajar dan bimbingan yang sangat bermakna, daripada awal perancangan hingga ke penghujung pengajian. Kepimpinan dan kemesraan beliau tidak terbalas dengan segala apa jua, kecuali sekadar terimakasih yang dapat diucapkan serta doa yang dapat dipanjatkan ke khadrat Allah s.w.t. agar mencurahkan sebanyak-banyak keberkatan yang tidak terhingga kepada beliau dengan ganjaran baik di dunia dan berpanjangan hingga ke hari akhirat.

Penghargaan turut diberikan kepada Universiti Teknologi Malaysia yang memberikan peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian, begitu juga Universiti Malaya tempat saya menimba ilmu. Semua institusi kewangan, terutama daripada Unit-unit Mu'amalat, Tuan Hj. Rustam bin Mohd. Idris daripada Bank Negara Malaysia, Tuan Hj. Md. Ali bin Md. Sharif daripada Maybank, Tuan Hj. Abd. Rashid bin Abd. Kadir daripada Bank Bumiputera, En. Shaari daripada Bank Islam (M) Bhd., Pegawai Unit Perbankan Islam, Bank Rakyat, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, En. Baharuddin, Penolong Pengurus Abrar Finance, al-Marhum Tuan Hj. Ismail bin Abdullah, Pengurus KOHILAL dan pegawainya, Ustaz Ghazali bin Abd. Hamid, Naib Pengurus 1, Koperasi Muslimin dan pegawainya, Pentadbiran Koperasi Belia Islam (KBI), Kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Pusat Islam dan Perpustakaan Syarikat Permodalan Malaysia Berhad (PNB), Kuala Lumpur, Muassasah Gadaian Islam Terengganu, Sistem Pajak Gadai Islam (al-Rahn) Kelantan, al-Rahn Bank Rakyat.

Penghargaan juga diberikan kepada semua pihak yang memberi bahan-bahan kajian dan rujukan, serta yang terlibat dengan soalselidik dan temuramah, sahabat-sahabat yang menawarkan khidmat bantuan menaip dan membaca skrip, sehingga menjadi sebuah tesis yang sempurna. Segala sumbangan yang tersebut itu sangat berharga dan sungguh besar ertiinya kepada penulis, hanya kepada Allah s.w.t. sahaja dimohonkan ganjaran yang sebaik-baiknya.

Rakaman kasih yang berpanjangan tidak terhingga kepada isteri yang tidak mengenal jemu dan penat, memberi semangat dan kekuatan inspirasi dengan penuh kesabaran, sentiasa di samping memberi layanan dan keselesaan sepanjang tesis ini disempurnakan. Kepada Ibu yang turut menyediakan kemudahan ketika sebahagian tesis ini disediakan, kepada al-marhum ayahanda yang saya hormati yang sempat menyaksikan kerja-kerja penulisan ini dibuat sebelum menyahut panggilan Ilahi, meninggalkan doa dan harapan yang tinggi untuk kejayaan tesis ini. Kepada anakanda Mohd. Nabil dan Abu Ubaidah yang turut menyumbang menjadi penghibur hati dan penawar penat letih sepanjang penulisan tesis ini disiapkan. Hanya doa dan munajat ke khadrat Allah s.w.t. yang maha kuasa dan maha kaya agar melimpahkan ganjaranNya yang lebih baik kepada mereka semua, di dunia hinggalah ke hari akhirat dengan penuh keredhaan dan keberkatan. *Amin ya! Allāh ya! Rabb al-‘Ālamīn.*

KAEDAH TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF LATIN

Perkataan-perkataan Arab yang digunakan dalam tesis ini mengikut kaedah transliterasi berikut:

ARAB	LATIN
-------------	--------------

ا	a
---	---

ب	b
---	---

ت	t
---	---

ث	th
---	----

ج	j
---	---

ح	h
---	---

خ	kh
---	----

د	d
---	---

ذ	dh
---	----

ر	r
---	---

ز	z
---	---

س	s
---	---

ش	sh
---	----

ص	s̄
---	----

ARAB LATIN

ض	d
ط	t
ظ	z
ع	c
غ	gh
ف	p
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w / u
ة / ه	h
لا	la
ء	'
ي	y / i
(حرف مد)	ā / ī / ī

KANDUNGAN:

	Halaman
FIRMAN ALLAH S.W.T.	i
SABDA RASŪLULLĀH S.A.W.	ii
SINOPSIS	iii
SYNOPSIS	vii
PENGHARGAAN	xi
KAEDAH TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF LATIN	xiv
KANDUNGAN	xvi
PENDAHULUAN:	1
BAB SATU:	7
KONSEP PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN TANPA RIBA:	8
1. Takrif Pinjaman al-Qard	8
2. Takrif Pembiayaan al-Qirad	11
3. Perbezaan Antara Pinjaman dan Pembiayaan	12
4. Takrif Riba	14
5. Larangan Riba	16
6. Hikmah Diharamkan Riba	26
7. Latar Belakang Amalan Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba	44
8. Jenis-jenis Riba	58
9. Kesimpulan	75

BAB DUA:	77
SEJARAH PERKEMBANGAN SISTEM MU`AMALAT DALAM INSTITUSI KEWANGAN ISLAM DAN BANK ISLAM DI MALAYSIA	78
1. Pendahuluan	78
2. Perkembangan Bank Islam (M) Berhad Dalam Perlaksanaan Sistem Mu`amalat Islam Semenjak Awal Penubuhannya:	80
(1) Operasai Bank Islam (M) Bhd. (BIMB)	81
(2) Fungsi Dan Hubungan Majlis Pengawasan Syariah Dalam Organisasi Bank Islam Malaysia Berhad	84
(3) Asas-asas Perjalanan Bank Islam Malaysia Berhad	87
(4) Matlamat Penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	99
(5) Kegiatan Utama Urusniaga Bank Islam Malaysia Berhad	101
(6) Bukti Kegiatan BIMB Sebagai Institusi Pinjaman dan Pembiayaan Yang Berlandaskan Shara'	108
(7) Perluasan Operasai Bank	113
(8) Kesimpulan	114
3. Perubahan Sebahagian Sistem Bank Konvensional Kepada Sistem Mu`amalat Islam:	116
(1) Operasi Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF)	116
(2) Sambutan Pendeposit Bukan Islam Terhadap SPTF Bank Rakyat	117
(3) Perluasan SPTF Bank Rakyat	118
(4) Bank Rakyat Sebagai Bank Islam Kedua Selepas BIMB	118
(5) Operasi Sistem Mu`amalat Islam Sepenuhnya	120
(6) Pajak Gadai Islam (al-Rahn) Bank Rakyat	122
(7) Perkhidmatan Unit Amanah	123

4. Perkembangan Unit-unit Mu'amalat Dalam Bank-bank Konvensional di Samping Sistem Riba Yang Sedia Ada:	126
(1) Fasa Pertama SPTF	126
(2) Fasa Kedua SPTF	128
(3) Dakwaan Skim Senyum MBF Sebagai SPTF	132
(4) Fasa Ketiga (Akhir) SPTF	134
5. Kesimpulan.	138
 BAB TIGA:	
LATAR BELAKANG SEJARAH PERKEMBANGAN KOPERASI-KOPERASI ISLAM SEBAGAI INSTITUSI PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN TANPA RIBA	
Pendahuluan	141
1. Koperasi Belia Islam Sebagai Koperasi Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba	142
2. Koperasi Muslimin Sebagai Koperasi Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba	164
3. KOHILAL Sebagai Sebuah Koperasi Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba	193

BAB EMPAT:	215
LATAR BELAKANG SEJARAH PERKEMBANGAN <u>AL-RAHN</u> SEBAGAI INSTITUSI PAJAK GADAI TANPA RIBA	216
1. Pendahuluan	216
2. Muassasah Gadaian Islam Teranggeanu (MGIT) Sebagai Institusi Pajak Gadai Tanpa Riba	216
3. Sistem Gadaian Islam <i>al-Rahn</i> Sebagai Institusi Pajak Gadai Tanpa Riba	228
4. Kesimpulan	240
BAB LIMA:	243
AL-QARD AL-HASAN DALAM MEKANISME MU'AMALAT PINJAMAN TANPA RIBA.	244
1. Takrif <i>al-Qard al-Hasan</i>	244
2. Hukum <i>al-Qard al-Hasan</i>	249
3. Perbezaan <i>al-Qard</i> Dengan al-Sariah dan al-Qirad	260
4. Rukun <i>al-Qard</i>	262
5. Kontrak Perjanjian <i>al-Qard al-Hasan</i>	279
6. Masalah Memohon Pinjaman	285
7. Skim <i>al-Qard al-Hasan</i> Menjadi Aktiviti Penting Dalam Koperasi Islam	287
8. Dokumen Memohon Pinjaman	288
9. Kegagalan Membayar Pinjaman	291

10. Produk <i>al-Qard al-Hasan</i>	295
11. Jenis-jenis <i>al-Qard al-Hasan</i>	302
12. Nilai Pinjaman <i>al-Qard al-Hasan</i>	308
13. Cadangan dan Kesimpulan	322
BAB ENAM:	327
PEMBIAYAAN AL-BAI^C BITHAMAN ĀJIL DALAM MEKANISME PEMBIAYAAN TANPA RIBA	328
1. Pendahuluan	328
2. Definisi <i>al-Bai^C Bithaman Ājil</i>	333
3. Asas-asas Hukum <i>al-Bai^C Bithaman Ājil</i>	333
4. Rukun <i>al-Bai^C Bithaman Ājil</i>	340
5. Operasi Pembiayaan <i>al-Bai^C Bithaman Ājil</i>	379
6. Pengiraan Jual beli Pembiayaan Tanpa Riba	388
7. Prosedur Jualan Pembiayaan <i>al-Bai^C Bithaman Ājil</i>	414
8. Membayar Balik Pembiayaan <i>al-Bai^C Bithaman Ājil</i>	422
9. Kesimpulan	427

BAB TUJUH:	429
PEMBIAYAAN AL-MURĀBAHĀH (COST-PLUS OR MARK-UP PRICE) DALAM MÉKANISME PEMBIAYAAN TANPA RIBA	430
1. Pendahuluan	430
2. Definisi <u>al-Murābahah</u>	430
3. Asas-asas Hukum <u>al-Murābahah</u>	432
4. Rukun <u>al-Murābahah</u>	434
5. Operasi Pembiayaan <u>al-Murābahah</u>	444
6. Keuntungan Jual beli <u>al-Murābahah</u>	449
7. Prosedur Pembiayaan <u>al-Murābahah</u>	453
8. Bayaran Balik Pembiayaan <u>al-Murābahah</u>	456
9. Kesimpulan	459
BAB LAPAN:	461
AL-MUDĀRABAH DALAM MEKANISME PEMBIAYAAN TANPA RIBA	462
1. Definisi <u>al-Mudārabah</u>	462
2. Asas-asas Hukum <u>al-Mudārabah</u>	464
3. Rukun dan Syarat <u>al-Mudārabah</u>	469
4. Pembiayaan Projek <u>al-Mudārabah</u>	492
5. Prosedur Pembiayaan <u>al-Mudārabah</u>	503
6. Produk di Bawah Prinsip <u>al-Mudārabah</u>	513
7. Kegiatan Spekulasi, Saham dan Pelaburan Dalam Sistem Mu'amalat Islam.	515

PENUTUP:	
RUMUSAN DAN CADANGAN	534
BIBLIOGRAFI	565
LAMPIRAN	576

PENDAHULUAN

Segala puji bagi Allah s.w.t. yang telah mengharamkan riba dan menghalalkan jual beli. Selawat dan salam hanya ke khadrat junjungan agung RasūluLlah ᷟ.a.w. pemimpin umat manusia terulung yang berjaya memberikan contoh tauladan dan bimbingan yang benar, termasuk dalam sistem Muāmalāt Islam Tanpa Riba yang paling unggul. Riba adalah mengambil keuntungan dengan cara yang tidak hak, zalim dan tidak berperikemanusiaan. Sistem kewangan Malaysia kini mengalami sedikit perubahan dengan memberi laluan kepada perlaksanaan Mu'amalat Tanpa Riba. Umat Islam di Malaysia yang sudah merdeka dari penjajah Inggeris semenjak 40 tahun yang lampau, masih belum dapat melepaskan diri sepenuhnya dari penjajahan sistem riba yang dilaknat Allah itu.

Sebahagian umat Islam yang sudah sebatи dengan sistem riba ini, merasa janggal dan pelik untuk berurusniaga dengan sistem Muāmalāt Islam, antaranya ada yang beranggapan bahawa tanpa riba bisnes tidak boleh berjalan dan perniagaan tidak akan maju serta tidak ada untung. Tetapi setelah Bank Islam Malaysia Berhad beroperasi pada tahun 1983 dan Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dilancarkan pada tahun 1993, sambutannya tidak hanya terbatas kepada umat Islam yang kurang yakin dengan kesyumulan Islam itu sahaja, tetapi turut dilanggani oleh ramai kaum yang bukan Islam yang tidak meminati sistem Islam itu dilaksanakan. Petanda yang baik ini, menjadi sumber ilham kepada penulis untuk memilih tajuk tesis ini, sebagai kajian dalam "Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba: Kajian Terhadap Sistem Muāmalāt Islam di Malaysia Masa Kini".

Telah sekian lama umat Islam menyimpan khazanah Sains Muāmalat yang sangat berharga, tetapi hanya tertinggal sebagai teori yang ideal, tercatat dalam dada

kitab-kitab kuning di perpustakaan umat Islam dan dibaca oleh ulama-ulamanya di pondok-pondok pengajian Islam. Kejayaannya hanya tersurat dalam rakaman sejarah kegemilangan Islam di zaman beginda RasūluLLah s.a.w. hingga ke zaman akhir kerajaan Uthmaniyyah di Turki. Kemampuan sistem Mu'amalat Islam dalam mendasari urusniaga kewangan umat Islam, ternyata begitu unggul dan kukuh. Malangnya kepercayaan dan keyakinan umat Islam untuk melaksanakannya semula dalam dunia kewangan dan ekonomi moden terlalu goyah. Sekalipun umat Islam telah merdeka dan bebas dari cengkaman penjajah, tetapi penjajah tidak membebaskan cengkamannya dalam sistem politik, ekonomi dan sosial umat Islam pada hakikat yang sebenarnya. Biarpun penjajah sudah pergi meninggalkan negara umat Islam, tetapi sistem sekular yang ditinggalkannya kepada umat Islam terus didukung, khusunya dalam sistem ekonomi yang masih berlandaskan sistem kewangan konvensional.

Lebih 40 tahun umat Islam bermu'amalah dengan pinjaman dan pembiayaan riba. Dalam tempoh tersebut umat Islam terpaksa memamah riba dan menelannya ketika meminjam dan memohon pembiayaan, samada pinjaman dan pembiayaan untuk makan minum, pakaian, membeli kenderaan, membeli rumah tempat tinggal, membeli tanah untuk bercucuk tanam, membangun perusahaan, menjalankan perniagaan dan membuat pelaburan, semuanya hanya dengan pinjaman dan pembiayaan yang berlandaskan riba sahaja, tanpa ada pilihan yang lain. Sebahagian ramai umat Islam mengetahui hukum riba itu haram, lebih-lebih lagi ulama-ulamanya, tetapi tidak ada siapa yang bebas dari cengkaman riba, kerana seluruh sistem kewangan, insurans dan institusi kewangan berlandaskan riba. Oleh itu, sangatlah besar ganjaran orang yang dapat melepaskan umat Islam di Malaysia ini dari penjajahan riba yang sangat dimurkai oleh Allah s.w.t itu. Lebih besar lagi sekiranya ada orang yang dapat membebaskan riba dari seluruh sistem

kewangan yang ada dan menghalau samasekali penjajahan riba dari bumi Malaysia ini.

Sains Mu'amalat Islam itu sangat luas untuk dibincangkan, tetapi dasarnya tidak lari daripada aqidah, Shari'ah dan akhlak Islam. Selama sistem Mu'amalat itu berjalan dengan memelihara ketiga-tiga asas yang pokok itu, maka ia tetap mendapat jaminan daripada Allah s.w.t. dengan keredaan dan keberkatannya. Perkembangan sistem Mu'amalat Islam di Malaysia masih dalam peringkat permulaan dan masih ada yang perlu diperbetulkan. Begitu juga masih banyak lagi mekanisme Mu'amalat yang perlu diwujudkan serta masih banyak lagi produk kewangan Islam yang patut difikirkan selaras dengan keperluan kewangan moden sekarang ini. Laluan yang diberikan untuk perlaksanaan sistem Mu'amalat Islam juga masih banyak halangan dan masalah, samada halangan dari sudut akta dan peraturan undang-undang yang perlu diatasi, serta masalah birokrasi dan teknikal pemprosesan pinjaman dan pembentukan yang masih teragak-agak dan belum mantap, di samping masalah sikap dan kesahaman semua pihak yang masih selesa dengan sistem konvensional. Semua itu memerlukan kesabaran yang tinggi dan keyakinan yang kukuh daripada semua pihak, terutama institusi kewangan daripada bank dan syarikat kewangan Islam sebagai pelaksana dan kerajaan yang menentukan polisi untuk memastikan sistem Mu'amalat Islam Tanpa Riba itu berjalan dengan baik tanpa apa-apa halangan.

Sekiranya ahli-ahli ekonomi dan kewangan Islam boleh bergerak cergas dan berperanan dalam institusi masing-masing, dengan terlibat secara langsung dalam kegiatan kewangan dan perbankan Islam, maka penulis cuba memberi sedikit sumbangan melalui kajian dan tesis ini, sebagai asas ilmu Mu'amalat yang tidak kurang pentingnya, kerana tanpa ilmu sebagai konsep asas Sains Mu'amalat yang hendak dilaksanakan itu, umat Islam tidak akan dapat mengenal pasti unsur-unsur riba

yang berjalan dalam transaksi sesuatu pinjaman dan pembiayaan yang diurusniagakan oleh mereka.

Umat Islam wajib mengetahui dan mempelajari ilmu Mu‘āmalāt Islam, supaya dapat mengenali halal dan haram dalam mengurusniagakan keperluan hidup mereka sehari-hari, terutama dalam pinjaman dan pembiayaan yang membabitkan mereka. Kini berbagai-bagi instrumen kewangan Islam telah diketengahkan selaras dengan perkembangan ekonomi negara yang pesat membangun, lebih penting lagi dalam mekanisme pinjaman dan pembiayaan yang sering dilanggani oleh ramai umat Islam dalam pinjaman peribadi seperti al-Qard al-Hasan dan Pajak Gadai Islam al-Rahn, serta dalam mendapatkan pembiayaan tanpa riba untuk membeli rumah, kenderaan dan menjalankan perusahaan atau menceburkan diri dalam pelaburan melalui mekanisme pembiayaan al-Bai‘ Bithaman Ājil, pembiayaan al-Murābahah dan pembiayaan al-Mudarabah.

Umat Islam kini ramai yang melibatkan diri dalam urusniaga jualbeli saham dan pelaburan, ia dilihat sebagai suatu kegiatan mencari rezeki dan kekayaan yang sangat mempengaruhi umat Islam masa kini. Keghairahan ingin mencari kekayaan segera melalui jualbeli saham, umat Islam terperangkap dengan firma-firma yang menjalankan aktiviti-aktiviti perusahaan dan perniagaan yang meragukan dari sudut hukum Shara‘, lebih-lebih lagi saham yang dibeli atau syarikat pelaburan yang dilanggani memberikan reputasi keuntungan yang lumayan, semacam menjanjikan kekayaan kilat kepada pelabur, tanpa mengira halal atau haram. Pelaburan memang digalakkan, pelabur juga boleh mendapatkan pembiayaan melalui mekanism al-Mudarabah, tetapi pelaburan dalam Islam mempunyai konsep bersih yang tersendiri yang wajib difahami dan dihayati terlebih dahulu sebelum seseorang itu melabur.

Banyak lagi mekanisme Muāmalāt Tanpa Riba boleh dibincangkan dalam tesis ini, tetapi penulis membataskan kajian hanya kepada sebahagian dari mekanisme Muāmalāt yang dikira penting, kerana ramai dilanggani oleh umat Islam. Dengan itu perbincangannya boleh dibuat secara lebih mendalam, dari membincangkan semua mekanisme, tetapi tidak dapat dibuat secara lebih terperinci. Sedangkan riba itu sekalipun terlibat hanya sedikit sahaja, tetapi haram yang sedikit itu boleh menjadikan seluruh aktiviti perniagaan menjadi haram.

Kajian tesis ini dibuat melalui sumber-sumber dari bahan-bahan bercetak yang dikeluarkan oleh beberapa buah bank, koperasi dan pajak gadai Islam al-Rahn, di samping temubual dan soal selidik dengan pegawai-pegawai daripada Unit-unit Muāmalāt dalam institusi kewangan Islam itu sendiri, maka dalam mekanisme tertentu penyelidik telah mendapat kerjasama daripada beberapa orang pelanggan yang memohon skim pinjaman dan pembiayaan untuk dibuat pemerhatian dan kajian, dari awal permohonan pinjaman dan pembiayaan hingga mendapat hak pemilikan menduduki premis yang dibiayai.

Tujuan kajian ini dibuat, selain daripada memenuhi keperluan akademik dalam pembangunan Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, tempat penulis menabur bakti, maka kajian ini juga diharap dapat memberi sedikit sumbangan yang bermakna untuk dimanfaatkan oleh umat Islam, selaras dengan perkembangan sistem Perbankan Tanpa Faedah di Malaysia masa kini. Di samping cuba memberi kefahaman tentang keburukan sistem riba yang memperhambakan umat Islam melalui pinjaman dan pembiayaan riba selama ini, sebaliknya tesis ini cuba menonjolkan mekanisme Muāmalāt Islam sebagai satu-satunya sahaja pilihan umat Islam dalam semua kegiatan urusniaga yang dijalankan. Sekarang sudah banyak produk Muāmalāt yang telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan semua bentuk

urusniaga kewangan. Terserahlah kepada umat Islam, untuk memilih jalan rezekinya sendiri. Setiap orang akan bertanggungjawab di hadapan Allah s.w.t. tentang kaedah urusniaga yang dipilihnya dan citarasa kekayaan yang telah mereka perolehi.

Penulis membentangkan kajian ini untuk dinilai dan diberi pertimbangan, masih terdapat banyak kekurangan dan kelemahan untuk diberikan nasihat dan teguran, agar tesis ini boleh diterima sebagai bahan kajian yang bermutu dan bermakna. Segala yang baik semuanya dengan kehendak Allah s.w.t., segala kesalahan, kelemahan dan kekurangan adalah kelemahan yang datang dari penulis sendiri. Hanya kepada Allah dimohonkan segala hidayah dan taufiqNya, semoga usaha ini mendapat keredaan Allah s.w.t. *Wa bil-Lāhi al-Taufiq wa al-Hidāyah, wa al-Salām.*

(OSMAN BIN HJ. SABRAN)

1hb. Muharram, 1418H

8hb. Mei, 1997

Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.